

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapakah Kementerian memutuskan untuk meliberalisasikan industri bekalan tenaga elektrik sedangkan Tenaga Nasional Berhad mempunyai rekod cemerlang semenjak penubuhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program *Reimagining Malaysian Electricity Supply Industry* atau dikenali sebagai MESI 2.0 merangkumi empat (4) inisiatif berikut:
  - (i) memperkenal inisiatif baharu bagi pembangunan loji-loji jana kuasa dengan mewujudkan pasaran kapasiti penjanaan (*capacity market*) dan pasaran elektrik (*energy market*) melalui pelaksanaan mekanisme-mekanisme baru yang akan menggantikan mekanisme pembelian tenaga melalui *Power Purchase Agreement (PPA)*;

- (ii) menyediakan persekitaran kondusif bagi menggalakkan penjana-penjana elektrik mendapatkan bekalan bahan api dari pasaran pada harga yang kompetitif;
  - (iii) membuka akses kepada pihak ketiga (*Third Party Access - TPA*) bagi membolehkan pihak selain daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggunakan talian penghantaran dan pengagihan untuk melaksanakan transaksi penjualan dan pembelian elektrik di antara kedua-dua pihak, tanpa melibatkan TNB; dan
  - (iv) membolehkan pengguna memilih pembekal elektrik selain TNB melalui pembukaan sektor peruncitan elektrik.
2. Bagi memastikan industri pembekalan elektrik bersedia untuk menghadapi cabaran akan datang, atau *future-proof* dengan izin, dan berdaya maju atau *sustainable* dengan izin, Kerajaan telah memutuskan supaya program *Reimagining Malaysian Electricity Supply Industry* atau dikenali sebagai MESI 2.0 dilaksanakan.
3. Selain itu, liberalisasi sektor bekalan elektrik ini juga akan dapat meningkatkan lagi persaingan dan ketelusan industri. Dengan adanya persaingan yang lebih tinggi, TNB akan dapat meningkatkan lagi kecekapan operasi syarikat berkenaan dan seterusnya menawarkan tarif yang lebih kompetitif kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.